

Cagamas terbit Kertas Komersial Islam RM305 juta

KUALA LUMPUR 21 Nov. - Perbadanan Gadaai Janji Nasional, Cagamas Bhd. (Cagamas) mengumumkan penerbitan Kertas Komersial Islam (ICP) selama tiga bulan berjumlah RM305 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Chee Leong (**gambar**) berkata, ICP itu akan diterbitkan di bawah struktur Komoditi Murabahah dan hasil terbitan akan digunakan bagi membiayai pembelian pembiayaan Islam daripada sistem kewangan.

"Petunjuk terkini oleh Jawatankuasa Dasar Monetari bahawa Bank Negara Malaysia mungkin mempertimbangkan kajian sem-

ula tahap monetari yang akomodatif berdasarkan kepada kekuatan semasa makroekonomi global dan domestik.

"Ia telah menyebabkan hasil yang lebih tinggi diniagakan merentasi bon mata wang tempatan dan sukuk, sekali gus membuktikan peningkatan ketidaktentuan dalam pasaran bon domestik.

"Meskipun permulaan kadar dalam pasaran domestik begitu, ICP masih diniagakan secara kompetitif berbanding Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) selama tiga bulan," katanya



dalam kenyataan di sini hari ini.

Chee Leong berkata, ICP berkenaan mewakili terbitan ke-20 syarikat pada tahun 2017, menjadikan keseluruhan terbitan berjumlah RM12.7 bilion.

"Sejak permulaan 2017, Cagamas berjaya menerbitkan pelbagai bon dan sukuk termasuk nota kadar terapung mata wang tempatan dan asing, kadar bon tetap dalam pelbagai mata wang seperti dolar Amerika Syarikat, Singapura, Australia dan ringgit serta sukuk denominasi dolar Singapura," katanya.